

**TEKS UCAPAN  
Y. BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL KERJAYA UT<sub>e</sub>M 2010  
9 MAC 2010, JAM 11.00 PG  
PUSAT PERSATUAN PELAJAR, KAMPUS INDUK, UT<sub>e</sub>M**

1

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera  
Dan Salam 1 Malaysia.

Terima kasih kepada pengacara majlis.

Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Mohd Nor Bin Husain,  
Timb. Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa ),

Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi,  
Timb. Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi),

2

Yang Berbahagia Engr. Profesor Dr. Marizan Bin Sulaiman,  
Dekan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni,  
merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Karnival Kerjaya UTeM 2010

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Para Mahasiswa Dan  
Mahasiswi UTeM

Wakil-wakil Media

Alhamdulillah saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan rahmatNya dapat kita berkumpul bersama di dalam majlis yang amat bermakna ini bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Karnival Kerjaya UTeM 2010.

Terlebih dahulu, syabas dan tahniah diucapkan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni bersama jawatankuasa terlibat, di

3

atas usaha gigih serta inisiatif menyusun rencana dalam melangsungkan program ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program yang sudah pasti memberikan manfaat kepada kita semua. Tanpa sokongan yang padu dari anda semua, mustahil apa yang dirancang ini mampu membuahkan hasilnya.

Hadirin yang dihormati,

Tujuan utama karnival kerjaya ini adalah untuk menawarkan perkhidmatan mempromosi peluang pekerjaan kepada para graduan secara percuma. Melalui karnival ini, pencari kerja boleh membuat carian kerja dengan menghadirkan diri ke booth-booth agensi pekerjaan yang telah disediakan manakala majikan pula,

4

boleh membuat pilihan calon secara terus menerus di bidang-bidang kepakaran yang diperlukan.

Pencarian kerja kini telah memasuki fasa baru dan tidak lagi terikat dengan kaedah konvensional, sebaliknya kaedah seumpamanya yang dianjurkan ini adalah lebih cepat dan tidak merugikan calon serta majikan.

Hadirin sekalian,

### **i)Pembangunan dan kualiti pelajar**

1. Golongan pelajar merupakan kumpulan majoriti dalam sesebuah institusi pengajian tinggi (IPT). Sebagai kumpulan terbesar, mereka menjadi “unit of analysis” kepada pencapaian universiti keseluruhannya. Jika dahulu universiti

5

berfungsi sebagai gedung ilmu dan pusat kecemerlangan akademik, tetapi pada masa kini, fungsi dan tanggungjawab universiti telah bertambah apabila perlu memikirkan bagaimana mahu menghasilkan graduan yang benar-benar berkualiti dan mempunyai kebolehan pasaran yang tinggi.

2. Untuk itu, pihak universiti dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi akan terus memberikan perhatian serius terhadap perkara ini. Malah, penilaian pelajar bukan sahaja dilihat berdasarkan pencapaian akademik sebaliknya usaha sedang giat dilakukan oleh KPT untuk menyusun aktiviti kurikulum sebagai elemen penting yang dapat memperkukuh kualiti mahasiswa pada masa hadapan.
3. Pendidikan tinggi merupakan aspek yang sangat dinamik dan sentiasa mengalami proses evolusi dan transformasi. Adalah

6

menjadi tanggungjawab UTeM untuk melahirkan mahasiswa yang berpengetahuan dan kompeten dalam bidang teknikal serta berkemampuan mengaplikasikan pengetahuan bagi memberikan sumbangan kepada peningkatan sosioekonomi negara.

4. Jika dilihat kepada kajian pengesanan graduan UTeM dari tahun 2005 hingga 2009, statistik menunjukkan sejumlah 5,553 graduan yang telah tamat pengajian dengan **44.3%** daripadanya telah bekerja, 32.6 % belum lagi bekerja manakala selebihnya 23.1% dengan pelbagai status iaitu sedang melanjutkan pengajian (15.4%), dalam proses meningkatkan kemahiran (4.7%) serta 3% lagi sedang menunggu penempatan pekerjaan.

7

Hadirin dan hadirat sekalian,

### **ii)Karnival kerjaya sebagai one stop centre**

5. Penganjuran karnival kerjaya UTeM mempunyai impak yang signifikan dalam perkembangan semasa, terutama dalam mendapatkan maklumat dan merupakan platform kepada mahasiswa untuk memantapkan kerjaya mereka. Pelbagai aktiviti melibatkan sesi temu duga bersama majikan dan ceramah kerjaya turut diadakan.
6. Karnival sebegini perlu dijadikan pusat sehati yang membolehkan mahasiswa mendapatkan maklumat pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan mereka. Bagi universiti, komitmen dan kesungguhan agensi-agensi untuk hadir pada

8

karnival ini amat bermakna dan perlu dihargai oleh mahasiswa.

7. Saya telah dimaklumkan berhubung penyertaan agensi-agensi luar seperti Panasonic, Sony, Sun Power Malaysia dan banyak lagi yang antaranya terlibat dalam aktiviti pameran menjalankan sesi temu duga. Sebanyak 25 syarikat dan industri terlibat dalam karnival kerjaya kali ini dengan jangkakan penawaran 101 peluang pekerjaan dalam bidang kejuruteraan dan perkhidmatan. Di samping itu, karnival ini turut disertai oleh fakulti dan persatuan alumni sebagai usaha memeriahkan aktiviti yang sedia ada.

9

Hadirin yang dihormati,

### **iii)Persiapan dalaman diri mahasiswa melangkah ke alam pekerjaan**

8. Karnival sebegini tidak akan dapat dijayakan jika tiada persiapan secukupnya oleh graduan yang telah tamat pengajian. Pada saya, mahasiswa perlu melengkapkan diri dari segi imej, kelengkapan dokumen dan kebolehan komunikasi sewaktu menghadirkan diri ke sesi temu duga. dengan persediaan secukupnya semasa menghadiri temu duga akan membolehkan seseorang memperoleh satu-satu pekerjaan. Tanpa persediaan dalam diri yang sempurna termasuk aspek praktikal adalah sukar bagi seseorang graduan untuk mendepani persaingan hidup berkerjaya dan bermasyarakat.

10

9. Nasihat saya kepada mahasiswa, beranilah menyahut cabaran untuk mendapatkan skop kerjaya yang lebih luas dan tidak terikat kepada bidang yang dipelajari. Apa yang penting, dunia pekerjaan hari ini mengukur potensi diri mahasiswa melalui komunikasi, idealisme & pemikiran kritis, kerja berpasukan, komitmen, minat dan moral yang baik. Mahasiswa tidak perlu bimbang mengenai ketidakserasian
10. Saya berharap karnival kerjaya serta pengisiannya dapat dikembangkan dan diperluaskan lagi. Semoga program yang dirancang dalam pameran kerjaya ini dapat memenuhi objektif untuk kebaikan semua pihak.

**Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim....saya dengan ini merasmikan Karnival Kerjaya UTeM 2010.** Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih.